



جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

KEROHANIAN ISLAM: HAKIKAT DAN KEKELIRUAN

oleh:

**Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor
Hj. Husin
(KUIM)**

Anjuran :

**Kolej Universiti Islam Malaysia
(KUIM)**

Dengan Kerjasama:

**Yayasan Taqwa Wilayah
Persekutuan Bhd.**

Pada:

15-16 September 2000



KEROHANIAN ISLAM: HAKIKAT DAN KEKELIRUAN

OLEH

DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN

1. PENDAHULUAN

Kemajuan kebendaan dan teknologi yang dicapai oleh manusia sekarang sangatlah canggih dan hebat. Secara umumnya, pencapaian ini adalah hasil daripada penguasaan manusia terhadap bidang sains dan teknologi. Kemajuan ini memang boleh membawa manusia ke arah keselesaan hidup, ketinggian martabat dan nilai jika ia digunakan dengan tujuan yang baik. Namun tidak dapat dinafikan pada masa yang sama kemajuan ini juga merupakan faktor yang boleh merangsang kepada kesengsaraan, keruntuhan dan kepincangan hidup fizikal dan metafizik (rohani dan jasmani).

Kemajuan sains dan teknologi ini berjaya merubah pemikiran dan sikap individu dan masyarakat hingga masyarakat tunduk di bawah nilai-nilai kebendaan secara total. Masyarakat sudah hampir lupa dan tersisih jauh tentang adanya satu aspek lain yang sangat bernilai dan penting pada setiap manusia yang bertamadun dan ingin hidup bahagia.



Aspek ini ialah aspek kerohanian atau spiritual yang melahirkan nilai-nilai positif dan sifat-sifat terpuji seperti benar, baik, bersyukur, tidak takabur dan tidak ghurur. Para Ambiya', Salaf al-Soleh dan generasi awal Islam yang sangat berpegang kepada ajaran agama telah menunjukkan tauladan yang sangat baik dalam menghayati kedua-dua aspek ini. Kemajuan yang seiring dan seimbang akan memberi kesan yang mendalam dan ketara bagi mempertingkatkan nilai manusia sejagat. Ia merupakan satu cara dan disiplin yang sangat berkesan bagi manusia mentarbiyahkan hawa nafsunya, membersihkan diri dari segala sifat keji yang boleh merosakkan hubungan manusia dengan penciptanya dan hubungan manusia dengan manusia.

2. **PERMASALAHAN**

Walaupun begitu ketara perlunya bidang kerohanian ini serta hakikat kebenarannya namun jika diperhatikan di dalam sejarah amalan keislaman umat Islam sejak generasi awal Islam hingga ke hari ini bahawa bidang kerohanian Islam telah dijadikan semacam kuda tunggangan oleh golongan yang terlibat dalam kancah ajaran yang menyeleweng dan sesat dengan taktik yang cukup halus. Bidang kerohanian telah dimanipulasi dan dieksploitasikan dengan sewenang-wenangnya demi untuk kepentingan jahat golongan berkenaan. (Zakaria Stapa, 1969: 1)



Hakikat amalan kerohanian Islam manjadi sumber ajaran sesat dan menyeleweng sangat mudah dan lumrah diperkatakan. Contohnya, Prof. Dr. Abdul Fattah Ibrahim dengan tegas mengatakan bila disebut ajaran sesat (ajaran menyeleweng) biasanya telunjuk mengarahkan kepada Tarikat Tasawuf dan amalan kerohanian. (Abd. Fattah 1992: III)

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang telah menyenaraikan hingga awal tahun 2000 sebanyak 39 kumpulan ajaran sesat dan menyeleweng ataupun meragukan dan semuanya ini dikenalpasti masing-masingnya didominasi oleh amalan kerohanian Islam. (Jabatan Agama Islam Pahang Bahagian Penyelidikan 2000). Sementara di peringkat Kebangsaan yang telah dinyatakan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bilangan ajaran sesat dan menyeleweng adalah lebih besar daripada apa yang disebutkan di atas. Oleh itu, kertas ringkas ini cuba melihat beberapa aspek dalam institusi kerohanian Islam yang boleh menjadi sumber kepada penyelewengan seterusnya boleh merosakkan akidah dan masyarakat Islam.

3. KEROHANIAN ISLAM DAN TASAWUF

Berdasarkan kepada sejarah dan kefahaman umat Islam terhadap kerohanian dan amalannya dalam Islam kita tidak dapat memisahkan bahawa umumnya memahami disiplin kerohanian Islam adalah merupakan ilmu Tasawuf dan juga yang berkaitan dengan Tasawuf seperti Tarikat. Walaupun semua pengkaji dalam bidang ini hampir sepakat bahawa kelahiran Tasawuf dan disiplinnya tidaklah ketara pada awal abad Islam, namun asas-asas yang ciri-cirinya telah dapat dikenali dan dikesani pada generasi pertama Islam lagi. Istilah takassuf, warak, zuhud, abid dan taqwa telah menjadi penghayatan mereka, malah sumber Al-Quran dan Sunnah serta kehidupan Nabi s.a.w, para sahabat dan tabi'in kesemuanya merupakan sumber utama dan benih yang subur menumbuhkan kehidupan kerohanian yang hasilnya berkembang dalam masyarakat Islam hingga ke hari ini.

4. TASAWUF SEBAHAGIAN DARI DISIPLIN ISLAM

Hadis yang sangat terkenal diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim (hadis yang dikenal dengan hadis Jibril). Apabila Baginda ditanya oleh Jibril tentang pengertian Iman, Islam dan Ehsan maka jawabannya dapat disimpulkan bahawa Iman itu adalah huraian yang berkaitan dengan kepercayaan atau akidah dan Islam itu pula ialah huraian yang berkaitan dengan amalan luaran seperti sembahyang, zakat dan sebagainya.

Sementara Ehsan merupakan pemantapan kualiti keyakinan atau akidah dan amalan luaran yang ditunjukkan kepada Allah semata-mata dan meletakkan diri manusia pada setiap ketika dan waktu di bawah pemerhatian Allah. Maka taraf Ehsan yang dapat dicapai dan dihayati oleh setiap muslim, merupakan tahap kesempurnaan dalam akidah dan amalannya kerana sesuatu yang dilakukan telah diikutsertakan dengan rasa kehadiran Allah yang melihat setiap detik hati, setiap gerak laku pada setiap waktu yang digunakan oleh manusia. (Zakaria Stapa 2000: 24).

Oleh itu, dapat disimpulkan Ehsan inilah juga makna dan hakikat tasawuf yang merupakan alat menyempurnakan aspek amalan dan iktikad seseorang muslim. Ibnu Khaldun berkata ilmu ini (ilmu tasawuf) merupakan salah satu daripada ilmu syariah yang lahir dalam Islam sumber dan ilham yang dipegang oleh golongan ini daripada Ahli salaf yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in dan orang-orang soleh selepas mereka. Ia merupakan jalan yang benar dan mendapat hidayat. (Ibnu Khaldun 1976 - 56).

5. PERAKUAN FUQAHA'

Walaupun tercatat di dalam perjalanan sejarah pemikiran umat Islam bahawa pergeseran di antara fuqaha' dan golongan sufi sangatlah sengit sehingga melibatkan tuduh-menuduh, label-melabel namun sejarah juga mencatatkan bahawa fuqaha' juga turut memberikan pengiktirafan dan penilaian yang sangat tinggi kepada bidang tasawuf. Malah kepentingannya sejajar dengan bidang ilmu yang dimiliki oleh mereka. Kata-kata Imam Malik bin Anas yang sangat mashur menjelaskan "sesiapa yang mempelajari Fikah dan menghayatinya dan tidak pula mempelajari dan menghayati Tasawuf ia boleh menjadi fasik dan sesiapa yang mempelajari Tasawuf dan menghayatinya tetapi tidak mempelajari Fikah dan menghayatinya sesungguhnya ia zindik dan sesiapa yang menghimpunkan kedua-duanya maka sesungguhnya ia merealisasikan perjalanan yang benar". Al-Imam Shafie berkata 3 perkara daripada sifat-sifat kehidupan dunia kamu menjadikan kasih kepadaku:

- a. Meninggalkan perbuatan bermuka-muka atau berpura-pura.
- b. Berinteraksi dengan makhluk Allah dengan sifat lemah-lembut.
- c. Mengikut perjalanan dan kehidupan ahli Tasawuf.

Seorang tokoh penganalisis aliran mazhab-mazhab dan Firqah Islamiah, Sheikh Abdul Kadir Al-Baghdadi berkata di antara golongan ahli Sunnah termasuklah ahli Tasawuf. Tokoh Theologi Islam juga turut mengakui tentang keagungan atau keunggulan ilmu Tasawuf dan ahli-ahlinya seperti Abu Hasan al-Asyari, al-Taftazani dan lain-lain.

Perakuan Ahli Sufi juga sangat jelas bahawa ilmu dan amalan mereka adalah bersumberkan Quran dan Sunnah. Seperti kata al-Junid "orang-orang yang tidak menghafal Quran, tidak mendalami isi kandungannya dan tidak menguasai Hadith mereka ini tidak boleh diikuti dalam urusan tasawufnya kerana ilmu kami (tasawuf) adalah terikat kukuh dengan Quran dan Hadith.

Contoh-contoh di atas boleh dibuat kesimpulan:

- a. Ilmu Tasawuf merupakan salah satu bidang ilmu yang tergolong dalam Ulum Syariah yang lahir di tengah-tengah kehidupan umat Islam. Ia menjadi arus perdana di peringkat awal sejarah Islam.
- b. Ilmu Tasawuf atau kerohanian Islam adalah bersumberkan Quran, Sunnah dan kehidupan Nabi, para Sahabat, para Solihin hinggalah ke hari ini.
- c. Penghayatan hakikat akidah dan syariah yang sebenar tidak boleh dicapai oleh seseorang yang mengabaikan aspek kerohanian atau Tasawuf.

- d. Semua golongan ulamak daripada Fuqaha' Muhaddisin dan ahli Theologi Islam mengiktiraf tentang kewujudan Tasawuf dan peranannya yang sangat berkesan di dalam memantapkan perjalanan yang betul bagi umat Islam.

Oleh itu, dengan kesimpulan-kesimpulan di atas jika ada golongan tertentu dari umat Islam yang cuba menafikan status kesahihan ilmu Tasawuf sebagai satu disiplin ilmu yang sah di dalam Islam maka golongan itu terpaksa berdepan dengan hakikat dan konklusi muktamad yang sudah disepakati oleh jumur ulama. (Zakaria Stapa: 2000 24). Golongan sufi yang sebenar merupakan golongan yang menganut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan sumber ambilan kepada pelbagai amalan yang menjadi asas kepada keterusan ilmu ini adalah jelas diambil daripada Quran, Sunnah serta kehidupan para Sahabat dan Solihin.

6. TASAWUF SUNNI DAN TASAWUF FALSAFI

Dalam sejarah perkembangan kerohanian Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

- a. Tasawuf Sunni iaitu amalan kerohanian yang bersumberkan kepada Quran dan Sunnah, kehidupan sahabat dan Salafussoleh. Pengamal-pengamalnya sangat terikat dengan kedua-dua sumber tersebut. Tasawuf Sunni merupakan sebahagian daripada disiplin Islam.

Walaupun tasawuf lebih menumpukan kepada pembersihan hati atau dalaman namun pengamal-pengamalnya tidak boleh sama sekali meninggalkan amalan-amalan lahir yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t malah ia merupakan asas yang menentukan perjalanan golongan ini. Di dalam pencapaian kerohanian yang disebut sebagai ahwal dan maqamat tidak pernah diterjemahkan ke dalam ungkapan yang boleh mengelirukan (Syatahat Suffiah). Di antara tokoh terkemuka ialah al-Imam al-Ghazali, al-Junid dan lain-lain.

7. MATLAMAT DAN KEROHANIAN ISLAM

Pada umumnya, di antara matlamat Tasawuf Sunni ialah membentuk peribadi luaran yang luhur dari geraklaku, tutur kata dan menyucikan hati nurani (Tazkiah nafs) dari sifat-sifat keji dan seterusnya menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji. Matlamat ini adalah merupakan matlamat akhlak seperti kata Shibli bahawa tasawuf itu menghiasi diri dengan akhlak Sunni dan menolak sifat-sifat dikeji.

Matlamat Tasawuf Sunni juga adalah memantapkan penghayatan akidah dan syariat Islam kepada tahap kesempurnaan seperti yang dinyatakan oleh Hadis Nabi dalam maksud Ehsan.

b. Tasawuf Falsafi

Menurut Taftazani bahawa kemunculan Tasawuf Falsafi dalam masyarakat Islam adalah ketara pada abad ke-6 dan ke-7 Hijrah walaupun unsur-unsur dan ciri-ciri tasawuf ini telah wujud lebih awal lagi iaitu kira-kira pada kurun ke-4 dan ke-5 Hijrah. Di dalam abad-abad ke-6 dan ke-7 inilah lahir tokoh-tokoh terkemuka Tasawuf Falsafi seperti Al-Suharwardi (Shihabuddin 550H), Ibnu Sabin (1614H) dan Ibnu Arabi (628H).

Tasawuf Falsafi sangatlah berbeza dengan Tasawuf Sunni kerana ia mencampuradukkan rasa rohani (pencapaian rohani) dengan teori-teori aqli (falsafi) kemudian diungkapkan dalam istilah falsafi yang diambil dari pelbagai sumber seperti pemikiran Greek, ajaran Parsi, Hindu dan Kristian hingga tasawuf sebenarnya hampir hilang keasliannya. Tasawuf Falsafi pencapaian rohaninya diungkapkan dengan ungkapan falsafi dimana dalam ungkapan itu sangatlah mengelirukan bagi orang-orang awam. Ungkapan-ungkapan seperti ini disebut atau dikenali dengan nama Syatahat Suffiah.

Golongan ahli Tasawuf Falsafi sangat bertentangan dengan ahli Fikah, ahli Hadis, ahli Tafsir dan ahli Theologi Islam malah tokoh-tokoh pemikir dan kaji masyarakat seperti Ibnu Khaldun.

Tajuk utama menjadi perbincangan ialah Mujahadah bagi meningkatkan pencapaian rohani dari Maqam kepada satu maqam yang lebih sempurna hinggalah mencapai maqam Irfan dan Tauhid.

Kasyaf iaitu penyingkapan batas Hissi bagi mengetahui hakikat alam ghaib termasuk hakikat ketuhanan, arash, Qursi dan malaikat. Kasyaf diperolehi hasil dari Khalwah, Mujahadah dan zikir yang berterusan hingga ahlinya berjaya melepaskan diri daripada alam maddi kepada alam rohani hingga membolehkan mereka menerima limpahan rohani dari Allah s.w.t.

Melahirkan karamah iaitu kejadian luar tabi' hasil daripada kasyaf atau terbukanya hijab. Ketika itu ahli-ahlinya mampu mengetahui segala sifat kewujudan sesuatu sebelum ianya berlaku dengan kekuasaan rohaninya ia dapat menundukkan alam bawahan menurut kehendaknya dimana orang-orang lain tidak mampu melakukannya.

Syatahat Suffiah iaitu ungkapan dan kata-kata pada zahirnya amatlah mengelirukan seperti Maha Suci Keagunganku, Aku yang Maha Hak. Dr. Mustafa Helmi merumuskan ahli Tasawuf Falsafi telah menggunakan dua pendekatan untuk mencapai kemuncak rohani:

1. Pembersihan hati menerusi disiplin ibadat dan zikir.
2. Mematikan kehendak hawa nafsu di samping meningkatkan kehidupan rohani.

Implikasi dari adanya penyerapan anasir-anasir luar seperti falsafah Greek dan ajaran agama kuno maka kasyaf yang dianuti oleh mereka sampai ke tahap tanpa batas di antara mereka dengan Allah s.w.t. Oleh itu, ada di antara mereka menganut konsep kesatuan mutlak dengan Allah, penyerapan Allah ke dalam manusia dan lain-lain konsep yang sukar diterima oleh ahli Syariah dan Theologi Islam (Helmi, 1996: 139)

8. PENILAIAN KEPADA TASAWUF FALSAFI

Huraian daripada tokoh-tokoh Syariah, ahli Theologi Islam dan ahli fikir Islam seperti Ibnu Khaldun maka keseluruhan mereka berpendapat bahawa Tasawuf Falsafi adalah amat meragukan terutama apabila ia didedahkan kepada

masyarakat umum yang tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bidang Syariah, Akidah dan Disiplin rohani. Oleh itu, al-Taftazani menyimpulkan bahawa tasawuf ini bercampur-aduk dan diresapi oleh elemen-elemen luar yang jauh dari Islam seperti pemikiran Yunani, ajaran Parsi, Hindi dan Kristian. Oleh itu, terdapat penggunaan istilah falsafah yang agak asing di dalam penulisan dan ungkapan mereka.

Tasawuf ini kabur dan sukar difahami, ia bukanlah falsafah kerana ada unsur-unsur Zhauqi dan bukan pula tasawuf mutlak kerana ia diungkapkan dengan ungkapan falsafah. Disiplin mereka dipengaruhi oleh pemikiran Plato, ajaran-ajaran kuno malah pemikiran ahli falsafah Islam seperti Farabi, Ibnu Sina, pemikiran pelampau Syiah dan Ikhwanusofa'. Oleh itu, aliran dan amalan Tasawuf Falsafi ini sangatlah meragukan.

9. PENYELEWENGAN DALAM KEROHANIAN ISLAM

Terlepas daripada Tasawuf Falsafi dan kembali kepada Tasawuf Sunni maka berdasarkan kepada hakikat dan matlamat kerohanian Islam yang betul tidak seharusnya kerohanian Islam (tasawuf) dilibatkan dengan sebarang unsur-unsur negatif dan menyeleweng tetapi seperti apa yang didedahkan di awal penulisan ini bahawa kerohanian Islam telah dianggap salah satu sumber utama penyelewengan yang boleh membawa kepada kerosakan akidah dan kehidupan umat Islam. Ada beberapa faktor yang boleh dilihat menjadi pendorong kepada berlakunya penyelewengan:

a. Sumber dalaman penggiat tasawuf sendiri iaitu hasil keangkuhan dan sifat riak penggiatnya sendiri disebabkan kejahilan mereka menguasai disiplin-disiplin Islam secara menyeluruh akidah, syariah dan akhlak serta jauh sekali daripada memahami atau menguasai isi kandungan Quran dan Sunnah. Fenomena seperti ini diceritakan oleh Al-Junid ketika beliau berdepan dengan golongan yang mendakwa dirinya sebagai ahli Makrifah. Ahli Makrifah ini mengatakan bahawa seseorang yang arif dengan Tuhan sampai ke peringkat boleh meninggalkan amalan-amalan baik (Syariat) dan taqwa kepada Allah. Al-Junid berkata ungkapan seperti ini merupakan golongan yang cuba menggugurkan amalan-amalan taklif. Pada pandanganku ini adalah suatu perkara yang amat berat dan merbahaya. Pendapat seperti ini lebih buruk padahnya daripada orang yang mencuri dan berzina (Al-Qusyairi 1991: 430). Pengguguran taklif syariat ini bererti mereka boleh meninggalkan amalan yang diwajibkan oleh syarak atas dasar kesempurnaan dan kehampiran diri mereka kepada Allah serta keterbukaan sama hijab hissi. Sebenarnya fenomena seperti ini adalah satu penyelewengan yang sangat jelas dan serius.

10. PENYELEWENGAN SHEIKH

Sheikh/ Khalifah/ Tok Guru adalah merupakan institusi yang sangat penting di dalam tasawuf. Dia merupakan seorang penunjuk jalan, pembimbing kerohanian kepada murid-muridnya. Sheikh tasawuf haruslah bersifat ikhlas dan bertanggungjawab menunjuk ajar murid-muridnya mengikut batas-batas akidah dan syarak tanpa mempunyai apa-apa tujuan yang tersembunyi. Sheikh memainkan peranan untuk menentukan arah perjalanan kerohanian yang dipimpin sama ada benar-benar menuju kepada Allah atau sebaliknya. Tetapi institusi ini telah menjana punca penyelewengan menerusi Sheikh yang curang atau palsu yang telah dikesani sejak dari awal perkembangan tasawuf lagi. Bagi rantau ini khususnya di negara kita Malaysia kebanyakan penyelewengan dalam kerohanian adalah bermula daripada Sheikh atau Tok Gurunya.

Maka menyedari hakikat ini ahli Tasawuf Sunni telah meletakkan beberapa syarat dan adab-adab yang mesti dipunyai oleh seseorang yang mahu menjadi Sheikh kemudian orang ramai mestilah memahami ciri-ciri ini. Antara syarat-syarat terpenting ialah:

- a. Mempunyai ilmu pengetahuan seluas-luasnya tentang isi kandungan Quran dan Sunnah serta ilmu syariah, akidah dan perjalanan orang-orang Soleh.
- b. Mempunyai ketaqwaan yang tinggi dan ketokohan yang jelas di dalam kepemimpinan rohani.
- c. Benar-benar arif tentang disiplin kerohanian Islam dan adab-adab sopannya.
- d. Mempunyai sifat-sifat adil dan mampu menguasai hawa nafsu serta sentiasa menyuruh kepada perkara-perkara makruf dan mencegah perkara-perkara mungkar.
- e. Mempunyai sifat-sifat zuhud dari kemewahan dunia dan seterusnya sangat cinta pula kepada kehidupan akhirat.
- f. Mempunyai maruah yang tinggi, tidak mengambil kesempatan atau mempunyai tujuan tersembunyi daripada kepimpinannya melainkan ikhlas kepada Allah semata-mata.

11. ADAB-ADAB

Di samping syarat-syarat tersebut yang sangat ketat ahli-ahli Tasawuf Sunni juga menginstitusikan beberapa adab-adab yang perlu dipatuhi oleh seseorang Sheikh:

- a. Tidak harus dengan apa cara sekali pun mendedahkan dirinya kepada kemasyhuran, kuasa dan lain-lain untuk menarik minat orang ramai kepadanya.
- b. Tidak harus mendakwa dirinya memiliki kekuatan rohani atau fizikal yang luar biasa malah jika berlaku sesuatu yang luar biasa kepada dirinya ia sentiasa menyembunyikannya dan sentiasa memohon hidayah kepada Allah bagi mendapat petunjuk sebenarnya.
- c. Bersikap lemah-lembut dan belas-kasihan kepada semua makhluk Allah serta wajib menunaikan hak dan tanggungjawabnya dengan sebaik-baiknya.
- d. Membersihkan dirinya dari sebarang manfaat atau faedah yang boleh diperolehi daripada murid-murid atau pengikutnya.
- e. Sentiasa bersifat waspada jauh sekali daripada berbangga dan riak, jika terdapat di antara murid-muridnya atau pengikut menceritakan sesuatu yang dialaminya dari amalan kerohaniannya ia haruslah berdiam diri dan memberikan amalan-amalan tambahan dan nasihat kepada

murid-muridnya kerana ditakuti apa yang dialami oleh muridnya itu adalah sesuatu perkara yang batil atau pun hasutan syaitan dan sebagainya. (Zakaria Stapa 1990: 14)

Kesimpulannya, ciri-ciri seorang yang ingin menjadi pemimpin/ Sheikh dalam jalan kerohanian Islam ialah seorang muslim yang memiliki keluasan ilmu Islam, menguasai sumber-sumbernya (Quran dan Sunnah), pengalaman kerohanian yang luas, kehebatan personalitinya yang luhur terhasil dari acuan kefahaman yang mendalam mengenai syariat Islam secara sepadu.

Memiliki sifat zuhud, adil, taqwa, bermaruah dan sentiasa menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah menjadi amalan hidupnya.

Apa yang jelas kepada kita berdasarkan pelbagai syarat serta adab-adab yang perlu dipatuhi oleh seseorang Sheikh maka ternyata tidaklah mudah bagi seseorang itu untuk menjadi pemimpin sesuatu amalan kerohanian dalam Islam. Begitulah pula juga bagi kita orang awam akan mudah mengukur dan menilai yang mana satu amalan kerohanian yang betul atau menyeleweng apabila terdapat di dalam masyarakat sesuatu ajaran kerohanian ianya boleh dinilai menerusi peribadi Sheikh atau pemimpinnya.

12. PENUTUP

Bahawa setiap umat Islam wajib berhati-hati dan jangan terpengaruh dengan pihak tertentu yang cuba menaja sesuatu bentuk amalan atau fahaman yang tiada hubung kait dengan persoalan kerohanian kerana di dalam persoalan kerohanian kata-kata atau perbuatan luar biasa yang ditunjuk dan kemudiannya boleh ditonton, ditambah pula dengan gambaran luaran seperti pakaian, perwatakan, warak yang dibuat-buat atau mempunyai tujuan tersembunyi bukanlah menjadi jalan mutlak atau dalil yang nyata kepada kebenaran kerohanian yang dibawa oleh Sheikh. Dr. Abdul Halim Mahmud memetik kata-kata Imam Ghazali "Ketahuilah sesungguhnya golongan Salik (sebenar) kepada jalan Allah sangatlah sedikit bilangannya sedangkan golongan yang mendakwa dirinya (golongan palsu) kepada jalan Allah adalah sangat ramai.

(Mahmud 1979: 247)

RUJUKAN

1. Hilmi. Muhammad Mustafa. 1996. **Kerohanian Dalam Islam.** (Terjemahan Abdul Shukor dan Mudasir). Kuala Lumpur. JAKIM.
2. al-Taftazani Abu al-Wafa al-Ghanimi. 1996. **Perkembangan Tasawuf Islam** (Terjemahan Abdul Shukor dan Mudasir). Kuala Lumpur. JAKIM.
3. Zakaria Stapa. 1999. **Persoalan Penyelewengan Dalam Ajaran Tarikat Tasawuf.** Selangor. MUIS.
4. _____ 2000. **Mengenal Unsur-unsur Tasawuf yang Menyeleweng Dalam Buku-buku Agama.** Kuala Lumpur. JAKIM.
5. Abdul Qadir Ahmad. 1987. **al-Tasawuf Baina al-Asalah wa al-Iqtibas.** Beirut. Dar al-jil.
6. al-Munufi Mahmud Abu al-faid. **T.T al-Madkhal Ila al-Tasawuf al-Islami.** Mesir.
7. Mahmud Abdul Halim. 1972. **Abhath fi al-Tasawuf wa Dirasat'an al-Imam al-Ghazali.** Qahirah. Dar al-Kutub al-Hadithah.
8. _____ al-Murqis. 1979. Beirut. **Dar al-Kitab al-Lubnani.**
9. Abdul Fatah Haron Ibrahim. 1985. **Ajaran Sesat.** Kuala Lumpur. DBP.
10. al-Qushayri Abdul Karim bin Hawazin. 1991. **al-Risalah al-Qushariyyah fi Ilm al-Tasawuf.** Beirut Dar al-Khayr.
11. Bahagian Penyelidikan JAIP. 2000. **Konsep Dan Ciri-ciri Ajaran Sesat.** Pekan.
12. Al-Baghdadi Abu Manur. 1910. **al-farq Bain al-firaq.** Kaherah. Dar al-Maarif.